

Teks Ucapan Pengarah

PERHIMPUNAN PAGI JABATAN KESIHATAN NEGERI MELAKA BIL.7 /2015

9 JULAI 2015

SEMPENA SAMBUTAN BULAN RAMADHAN AL- MUBARAQ DAN HARI RAYA AIDILFITRI

Timbalan-timbalan Kesihatan Negeri

Ketua-ketua Jabatan

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Salam Sejahtera

Salam 1 Malaysia, Salam Melaka Maju, Negeriku Sayang

Negeri Bandar Teknologi Hijau

Melaka 753 Tahun

Salam Melaka Maju Fasa Kedua

1. Terlebih dahulu, saya memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya, kita berpeluang untuk bersama-sama berkumpul bagi Perhimpunan Pagi Bil. **7/2015** pada hari ini dengan tema “**SAMA-SAMA**” bersempena ***Sambutan Bulan Ramadhan dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri*** ” yang akan menjelang tiba dan didedekasikan kepada semua warga Jabatan Kesihatan Negeri Melaka.
2. Tema ‘Sama-sama’ telah dipilih oleh Urusetia Perhimpunan Bulanan pada kali ini yang membawa maksud saling menyalng dalam melaksanakan aktiviti. ‘Sama-sama’ bukan hanya ditujukan sempena sambutan Hari Raya sahaja malah boleh di implementasikan dalam aktiviti seharian kita. Konsep ini meliputi aspek kerjasama dan saling bantu-membantu dalam melaksanakan aktiviti. Sebagai contoh, promosi keselamatan makanan, kempen tak nak merokok dan promosi-promosi kesihatan yang lain.
3. Dalam konteks penjawat awam pula, suasana kerja serta hubungan kerjasama yang terjalin akan memberi manfaat kepada penjawat awam untuk terus tekun serta mewujudkan suasana harmoni dalam persekitaran kerja . Dan diharapkan konsep ini dapat dipupuk di kalangan warga JKN bagi meningkatkan sillaturrahim sesama kita.

Sambutan Bulan Ramadhan Al- Mubaraq

Tuan-tuan dan puan-puan.

4. Bulan Ramadhan al-mubaraq telah disambut pada 18 Jun 2015 yang lalu oleh semua umat Islam. Jesteru itu, bersempena dengan bulan yang mulia yang penuh dengan keberkatan ini, marilah kita **sama-sama** merebut seberapa banyak peluang untuk sama-sama mendapatkan ganjaran dengan berbuat perkara-perkara yang dituntut. Sesungguhnya Allah menjanjikan ganjaran yang besar di dalam bulan yang penuh keberkatan ini.
5. *Rasulullah s.a.w. bersabda: ...Dan sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan keredhaan Allah, akan diampunkan segala dosa yang dilakukannya sebelum itu (Hadis diriwayatkan daripada : Abu Hurairah r.a)*
6. Bulan puasa itu merupakan bulan latihan berjihad memerangi hawa nafsu yang loba dan tamak. Bulan puasa adalah bulan bercucuk tanam untuk akhirat, bulan menghasilkan bekalan untuk hari kemudian, bulan membersihkan dan menyucikan diri dari berbagai dosa dan noda serta menghiasi diri dengan budi yang tinggi dan pekerti yang luhur.

Tuan-tuan dan Puan-puan

7. Sempena Bulan Ramadhan yang mulia ini, Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, telah melancarkan Kempen Nafas Baru Bermula Ramadhan dengan Slogan "**Ramadhan... HIJRAH HIDUP TANPA ROKOK**". Tujuan kempen ini diadakan adalah bagi Meningkatkan kesedaran dan keinginan umat Islam yang merokok untuk memasang niat berhenti merokok pada bulan Ramadan serta Mempromosikan perkhidmatan berhenti merokok oleh Jabatan Kesihatan Negeri Melaka.
8. Saya ingin mengambil peluang ini menyampaikan pesanan kepada semua warga Jabatan Kesihatan Negeri Melaka yang masih merokok. Ambillah keputusan dan peluang keemasan Ramadhan ini untuk lepaskan diri dari perangkap merokok. Setiap sedutan asap rokok membawa padah!

Kenapa menjerumuskan diri ke lembah kebinasaan dan kehancuran. Kuatkan azam dan Katakan **Tak Nak pada Merokok** demi kebaikan dan kesihatan diri serta orang-orang kesayangan disekeliling anda. Perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok di setiap KK sedia membantu anda.

Nikmati nafas baru bermula Ramadhan!

9. Sesungguhnya Ramadhan mendidik jiwa kita untuk menjadi individu yang sabar,serta cekal dalam menempuhi hari-hari yang mendatang. Bagi mereka yang merokok, bulan Ramadhan adalah platform terbaik bagi menyahut kempen Tak Nak Merokok. Mereka yang berpuasa telah melatih diri agar menahan lapar dan dahaga termasuk ketagihan merokok. Jesteru itu, bagi mereka yang benar-benar ingin berhenti merokok, saya menyeru agar sahutlah kempen tak nak merokok dan berhentilah merokok.
10. Bersempena dengan Ramadhan ini, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan turut menjalankan promosi keselamatan makanan bagi menarik orang ramai **sama-sama** mengelakkan keracunan makanan terutama semasa pemilihan makanan di pasar Ramadhan. Konsep perhati dan pilih ditekankan dalam aspek pemilihan makanan yang melibatkan deria lihat, hidu dan rasa semasa memilih juadah. Selain itu juga, promosi di radio , *billboard*, *banting* dan *banner* berkaitan penduan pemilihan makanan selamat turut diwar-warkan serta dipamerkan di pasaraya serta pasar ramadhan bagi meningkatkan kesedaran dalam pemilihan makanan yang selamat.
11. Dalam konteks sebagai penjawat awam pula, ramadhan yang datang melahirkan sifat dedikasi, sabar serta bertolak ansur dalam melaksanakan tugas seharian. Ramadhan bukan penghalang atau alasan untuk seseorang penjawat awam menjadi malas, leka atau cuai. Sebagai penjawat awam, saya ingin turut sama mengingatkan yang kita mesti meningkatkan produktiviti serta intelektual bagi meningkatkan keyakinan masyarakat umum.

SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

Saudara/Saudari Sekalian,

12. Sambutan Hari Raya Aidilfitri akan diraikan tidak lama lagi. Jesteru itu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya, Maaf Zahir Batin kepada semua warga kerja Jabatan Kesihatan Negeri Melaka.
13. Didalam kemeriahan serta keseronokkan bagi menyambut Hari Raya yang bakal menjelma, saya memohon agar kita tidak terlalu alpa serta ghairah menyambutnya sehingga kita lupa ada dikalangan kita yang kurang bernasib baik. Jesteru itu, marilah kita hulurkan sumbangan dalam bentuk kewangan ataupun dalam bentuk apa jua bantuan. Janganlah kita lupa, disaat kita bergembira ada yang berduka dan menantikan sumbangan kita untuk turut sama berkongsi kegembiraan di hari mulia.

14. Jesteru itu, Di Kesempatan ini, sekali lagi saya mengambil peluang ini mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga muslimin dan muslimat di Jabatan Kesihatan Negeri Melaka. Bagi mereka yang akan pulang ke kampung, pesanan dari saya berhati- hati di Jalan Raya dan semoga anda selamat sampai ke destinasi yang dituju dan selamat sampai kembali bertugas.

Saya mengakhiri ucapan pada hari ini dengan serangkap pantun:

Lemah gemalai si tuan puteri,

Berkain cindai cantik sekali

Pohon kemaafan di Aidilfitri

Moga Ukhuwah kekal abadi

Sekian